

i-Inova ketengah idea, produk kreatif Islam

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**

utusanmelaka@utusan.com.my

SEREMBAN 2 Dis. - Penganjuran Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) yang masuk edisi kelimanya terus mendapat sambutan memberangsangkan menerusi peningkatan penyertaan setiap tahun sejak diperkenalkan 2010.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, program tersebut berupaya mengembalikan tradisi keilmuan Islam, mencungkil, mengetengahkan serta merangsang idea inovatif dan kreatif di dalam kalangan pensyarah, penyelidik dan penuntut.

"Kami bersyukur kerana penyertaan i-Inova bertambah kepada 170 penyertaan berbanding hanya 73 pada 2010 dan 113 penyertaan pada 2012 dan 117 pada tahun lalu.

"USIM juga berharap agar peningkatan penyertaan dalam program ini meningkat pada tahun mendatang khususnya di kalangan para pelajar dan penyelidik dari institusi

pengajian tinggi (IPT) dan organisasi penyelidikan sama ada dalam atau dari luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan i-Inova 2014, di Dewan Besar USIM, di Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Jelasnya, i-Inova merupakan platform terbaik ke arah melahirkan generasi pelapis yang akan membantu meneruskan kesinambungan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi Islam pada masa hadapan.

"i-Inova juga menjadi landasan untuk kakitangan akademik, penyelidik dan juga mahasiswa untuk memaparkan hasil penyelidikan mereka yang dapat membantu memberikan kebaikan kepada umat Islam.

"Usaha tersebut selaras dengan misi USIM iaitu bertekad untuk menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (lima dari kiri) bersama Musa Ahmad (empat dari kiri) mencuba produk makanan yang dihasilkan oleh pelajar pada Majlis Penutupan i-Inova 2014 di Dewan Besar USIM, Nilai, Seremban, baru-baru ini.